

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR**

SEMPENA

**ACARA *COFFEE BREAK*
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2019**

**30 MEI 2019 (KHAMIS)
3:30 PETANG
STESEN MINYAK PETRONAS JALAN TRAS 1,
BENTONG – GUA MUSANG (FT08),
BENTONG, PAHANG.**

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Dasar dan Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Gua Pak

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Hj. Osman

Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berusaha Tuan Ir. Hj. Zulakmal Bin Hj. Sufian

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

Yang Berusaha Tuan Ir. Kamaluddin Bin Haji Abdul Rashid

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Yang Berusaha Tuan Ar. Zairul Azidin Bin Badri

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Che Noor Azeman bin Yusoff

Pengarah Pakar Kejuruteraan Jalan Dan Jambatan Cawangan Jalan

Yang Berusaha Tuan Ir. Rahmat Bin Hj. Abd Rahman
Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

Yang Berusaha Puan Mastura Binti Shaari
Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat

Dif-dif kehormat,

Rakan-rakan Media,

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan, Jurutera-Jurutera Daerah, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana telah mengundang saya untuk menyempurnakan majlis perasmian *Acara Coffee Break* sempena Hari Raya Aidilfitri 2019 pada petang ini.

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPS BERSEPADU

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

2. Tinggal beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Menjadi tradisi dan amalan, orang ramai akan pulang ke kampung halaman bagi menyambut perayaan ini bersama keluarga, ibu bapa dan

sanak saudara yang tercinta. Sehubungan itu, jumlah pengguna jalan raya dan lebuhraya pastinya akan meningkat secara mendadak dan secara tidak langsung akan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan.

3. Untuk perkongsian bersama, statistik kemalangan maut yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018 telah menunjukkan penurunan sebanyak 4 kes atau 1.7 peratus berbanding 257 kes pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2017. Ini memberikan gambaran bahawa usaha untuk mengurangkan bilangan ini perlu dipertingkatkan pada tahun ini dengan lebih menyeluruh. (*sumber : Ops Selamat 2018*)
4. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha mengurangkan risiko kemalangan jalan raya, antaranya melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan menjelang musim perayaan. Tujuan utama adalah bagi mengurangkan jumlah kemalangan dan kadar kematian akibat kemalangan di jalan raya.
5. Bagi menghadapi pertambahan trafik dan meningkatkan tahap keselamatan ketika orang ramai pulang ke kampung, syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah mengambil beberapa inisiatif seperti mengumumkan Jadual Perjalanan untuk ke pelbagai destinasi di Semenanjung Malaysia, diskaun tol pada hari-hari tertentu, membuka lebih banyak pondok tambahan di plaza-plaza tol, meningkatkan rondaan pasukan ronda, menempatkan lebih ramai petugas di kawasan-kawasan rehat dan sebagainya.

6. Kementerian Kerja Raya pula telahewartakan penurunan had laju sebanyak 10 km/j bagi Jalan Persekutuan mulai 29 Mei 2019 hingga 12 Jun 2019. Sehubungan itu, had laju bagi Jalan Persekutuan akan diturunkan kepada 80 kilometer sejam. Bagi Jalan Negeri, KKR meminta kerjasama pihak berkuasa negeri untuk turut menurunkan had laju daripada 80 kilometer sejam kepada 70 kilometer sejam. Di samping itu, kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan bagi Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan lebuhraya akan dihentikan sementara mulai 29 Mei 2019 hingga 12 Jun 2019 semasa musim perayaan bagi memastikan kelancaran trafik. Namun, kerja-kerja kecemasan dan kritikal adalah dikecualikan. Pihak JKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga telah menubuhkan pasukan peronda bagi memantau kemalangan dan sebarang kerosakan jalan. Selain itu, ia bagi memastikan kerja-kerja kecemasan dilakukan dengan segera tanpa gangguan lalu lintas di jalan-jalan persekutuan. (*sumber : Kementerian Kerja Raya*)

7. Jabatan Kerja Raya (JKR) juga mempunyai peranan penting dalam aspek keselamatan dan kesedaran jalan raya di bawah Program 3E, iaitu kejuruteraan, dan dimana dua lagi iaitu penguatkuasaan dan pendidikan, dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan persekutuan. Aspek kejuruteraan membabitkan penggunaan kejuruteraan dan teknologi seperti penggunaan turapan jalan yang terbaik serta peralatan keselamatan. Aspek penguatkuasaan pula meliputi kerjasama dengan agensi seperti polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang di lebuhraya, termasuk operasi bersepadu serta pemeriksaan keselamatan. Aspek pendidikan

membabitkan program pendidikan keselamatan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pelanggan lebuhraya,” katanya.

8. Sukacita juga saya ingin maklumkan, Kerajaan amat prihatin kepada kehendak pengguna jalan raya. Demi keselesaan pengguna jalan raya, sebanyak 48 projek jalan yang melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan baharu dan menaiktaraf jalan sedia ada telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2019 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 billion. (*sumber : Cawangan Jalan , JKR*)
9. Selain itu, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, KKR telah mengenalpasti beberapa lokasi yang mengalami kerosakan jalan yang kritikal dengan menaiktaraf dan menyenggara jalan tersebut menggunakan teknik dan turapan khas seperti *Cold in Place Recycling (CIPR)* dan bahan turapan berprestasi tinggi seperti *Super Fiber Mix (SFM)*, *Polymer Modified Asphalt (PMA)*, *Cuplump Modified Asphalt (CMA)* dan *Crumb Rubber Modified Asphalt (CRMA)*. Bagi mengurangkan risiko kemalangan terutama di kawasan sekolah, sebanyak 21 kawasan lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat dalam peringkat pelaksanaan di tapak. Manakala sebanyak 22 lokasi *Blackspot* dikenalpasti dalam peringkat pelaksanaan. Keseluruhan program penyenggaraan jalan ini akan melibatkan kos berjumlah RM748 juta bagi tahun 2019.
10. Pada masa yang sama, pihak KKR juga sedang dalam proses membangunkan Pelan Tindakan Dasar Pembinaan Jalan Raya dan Lebuhraya bagi mencapai objektif peningkatan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam.

11. Pihak JKR juga telah mencadangkan beberapa laluan alternatif untuk laluan utama bagi tujuan melancarkan pergerakan trafik di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri seterusnya menjadi panduan bagi mengurangkan kesesakan lalulintas ketika pulang beraya. Seiring dengan cadangan itu, JKR telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Infografik Panduan Jalan Raya Alternatif untuk hebahan awal kepada pengguna jalan raya melalui aplikasi rasmi *Twitter* dan *Facebook* JKR Malaysia.

12. Pelbagai cara telah dilakukan bagi mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya. Namun, tanpa kerjasama semua pihak, perkara ini tidak dapat dilakukan dengan jayanya. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan memohon keprihatinan setiap pengguna jalan raya khususnya para pemandu untuk melaksanakan tanggungjawab memandu dengan berhemah, patuhi undang-undang dan peraturan jalan raya, cermat dan bersikap berhati-hati ketika memandu pulang ke kampung halaman atau destinasi yang dituju. Ingatlah, kita mahu bergembira menyambut Hari Raya dan bukannya berduka dan bersedih kerana ada orang yang disayangi terbabit di dalam kemalangan jalan raya.

13. Saya berharap untuk 'Ops Bersepadu' sempena Aidilfitri kali ini akan memberi kesedaran kepada semua pengguna jalan raya agar sentiasa mengutamakan keselamatan serta bersama-sama berazam untuk mengurangkan kadar kemalangan. Saya percaya Kerajaan boleh meletakkan ratusan kanopi polis, ribuan pegawai polis bertugas tetapi jika sikap kita sebagai pengguna jalan raya yang tidak mahu berubah, maka

setiap tahun kita akan melihat angka-angka lebih kurang sama dengan angka terdahulu.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY*) (CSR)

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sukacita saya mengumumkan bahawa pada hari ini pihak JKR juga tidak ketinggalan dalam usaha mengurangkan kemalangan dengan mengadakan acara *coffee break* sempena Hari Raya Aidilfitri 2019 ini. Program ini merupakan satu inisiatif JKR dengan kerjasama syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan Semenanjung Malaysia melalui tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) dalam usaha membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutama di musim perayaan ini.

15. Acara *coffee break* bagi tahun ini dilaksanakan secara serentak di empat lokasi terpilih di sepanjang Laluan Persekutuan bersama syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan. Lokasi pertama adalah di Petronas Jalan Tras Batu 1, Bentong, FT 08 Bentong - Gua Musang pada jam 3.30 petang, lokasi kedua di Stesyen Minyak Shell Taman Uda, FT 256 Lebuhraya Sultanah Bahiyah Alor Setar Kedah pada jam 3.00 petang, lokasi ketiga di Stesen Minyak Petron Klebang Ipoh, FT001 Sek 607, pada jam 4.30 petang dan lokasi yang keempat di Petronas Tol Ayer Keroh, FT 143 Lebuh Ayer Keroh Seksyen 10 dalam Daerah Melaka Tengah pada jam 7.00 petang.

16. Langkah yang diambil oleh JKR dengan sokongan Syarikat Korporat (Konsesi Penyenggaraan Jalan) ini adalah amat bertepatan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan kematian sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019.
17. Saya gembira melihat penglibatan pihak swasta dalam program tanggungjawab sosial berkaitan keselamatan jalan raya seumpama ini. Saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua syarikat yang terlibat. Saya yakin dengan penglibatan pihak swasta seperti ini akan menjadi sumber inspirasi kepada pihak lain bagi mengadaptasi keselamatan jalan raya sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat masing-masing.
18. Kerajaan sentiasa menggalakkan dan menyokong inisiatif dan langkah positif yang dijalankan oleh sektor swasta dalam bersama-sama menyemarakkan kempen keselamatan jalan raya. Syabas dan tahniah saya ucapkan dan diharap ianya dapat diteruskan lagi di masa akan datang.

INISIATIF COFFEE BREAK

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

19. Melalui inisiatif acara *coffee break* seumpama ini, pemandu yang menggunakan Jalan Persekutuan berpeluang untuk berehat sambil menikmati secawan kopi secara percuma bagi menghilangkan keletihan dan mengantuk. Saya juga difahamkan pemandu juga akan diberikan

cenderahati, yang diharapkan dapat membantu menambah keceriaan ketika dalam perjalanan ke destinasi masing-masing.

20. Usaha ini walaupun mungkin dilihat kecil tetapi sebenarnya mampu memberi kesan yang besar terhadap pemanduan dan keselamatan jalan raya. Ini kerana faktor penyumbang terbesar terhadap kemalangan jalan raya ialah pengguna jalan raya itu sendiri yang mana ia termasuklah memandu melebihi hadlaju, tidak mematuhi peraturan lalulintas, dan memandu dalam keadaan mengantuk atau tidak mempunyai rehat secukupnya.

21. Justeru, dengan berehat sebentar dan mendapatkan secawan kopi diharapkan dapat membantu pemandu untuk lebih segar dan ceria serta mengembalikan fokus dalam pemanduan. Mudah-mudahan sedikit sebanyak inisiatif ini dapat menyumbang terhadap peningkatan keselamatan di jalan raya. Selain itu, terdapat juga beberapa lokasi menarik seperti kawasan pelancongan, riadah, perkemahan dan gerai makanan serta buah-buahan di sepanjang Jalan Persekutuan yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna jalan raya.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan,

22. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada JKR Malaysia, semua Pengarah JKR Negeri dan JKR Daerah, pihak pengurusan syarikat konsesi penyenggaraan jalan, rakan media dan

semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

23. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam di Malaysia. Maka dengan ini, **sukacita saya melancarkan “Acara Coffee Break sempena Hari Raya Aidilfitri 2019”** dengan rasminya. Keselamatan jalan raya tanggungjawab kita bersama. Pandu cermat jiwa selamat. Ingatlah orang yang tersayang dan Ciptalah Detik Indah Bersama.

Sekian, Terima kasih.